

Perbahasan Hukum Percampuran Manusia-Haiwan: Satu Analisis Tematik dalam Mazhab Shafie

The Rules Debate of Human-Animal Mixture: A Thematic Analysis in the Shafiite School

Muhammad Faiq Mohd Zailani¹, Mohammad Naqib Hamdan², Aimi Nadia Mohd Yusof³, Nur Najwa Hanani Abdul Rahman⁴

¹ Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia;

² Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia;

³ Universiti Teknologi Mara, Malaysia;

⁴ Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 18 November 2022

Disemak: 25 November 2022

Diterbit: 30 November 2022

*Perhubungan Penulis:

Muhammad Faiq Mohd Zailani, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia;

Email:

faiq99@graduate.utm.my;

Abstrak: Percampuran manusia-haiwan telah lama dilakukan oleh saintis untuk dijadikan model kajian penyakit, ujian ubat, organ alternatif dalam rawatan pemindahan organ dan lain-lain. Percampuran manusia-haiwan yang paling menimbulkan kontroversi adalah dengan menyuntik sel manusia ke dalam otak haiwan kerana ia boleh menimbulkan isu etika yang melibatkan penambahbaikan kognitif haiwan tersebut. Tambahan lagi, haiwan yang mengalami penambahbaikan kognitif boleh mengelirukan status moralnya kerana ia boleh mencapai tahap kognitif manusia. Selain itu, ketiadaan status moral khusus terhadap manusia-haiwan ini menambahkan kebimbangan ahli bioetika dan falsafah dalam mendepani hidupan ini. Dalam perspektif Islam, perkara ini boleh mempengaruhi hukum Islam ke atasnya sekiranya haiwan tersebut boleh menyerupai manusia sama ada fizikal atau kognitif kerana hidupan ini bukan lagi manusia mahupun haiwan semata-mata. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis secara tematik perbincangan para fuqaha klasik terhadap isu ini sama ada secara langsung atau konsep sahaja. Kalimah mutawaliid, aadami dan kalbun dipilih sebagai kata kunci, tema dibentuk untuk memberi kefahaman mengenai bagaimana Islam meletakkan hukum terhadap haiwan yang menyerupai manusia, seterusnya dapat digunakan untuk membantu dalam penentuan hukum percampuran manusia-haiwan dalam sains bioperubatan. Hasil kajian mendapati beberapa perbahasan fiqh telah membahaskan hukum suci, ibadat, sembelih dan makan, pernikahan, wilayah, mawarith dan wasiat manusia-haiwan dalam Mazhab Syafie. Selain itu, wujud perbezaan hukum-hakam yang melibatkan perbezaan bentuk percampuran dan lain-lain yang melibatkan manusia-haiwan.

Kata Kunci: hukum fiqh, manusia-haiwan, sains bioperubatan, tematik;

Abstract: Human-animal mixture has long been done by scientists to be used as a model for disease studies, drug tests, alternative organs in organ transplant treatment and others. The most controversial human-animal mixture is mixing human cells into animal brains because it can raise ethical issues involving the cognitive enhancement of the animal. Furthermore, animals that experience cognitive enhancement can confuse their moral status because they can reach the cognitive level of humans. In addition, the absence of a specific moral status towards these animals increases the concern of bioethicists and philosophers in dealing with these beings. From an Islamic perspective, this matter can affect Islamic law if

the animal can resemble humans physically or cognitively because they are neither human nor animal anymore. Therefore, this study was conducted to analyse thematically the discussions of classical jurists on this issue either directly or conceptually. The words *mutawali*, *aadami* and *kalbun* were chosen as keywords, the theme was formed to give an understanding of how Islam lays down laws against animals that resemble humans, which can then be used to help in determining the law of human-animal mixing in biomedical science. The results of the study found several Islamic rule debates that debated sacred law, worship, slaughter and eating, marriage, guardianship, inheritance and human-animal wills in the Shafiite School. In addition, there are differences in laws that involve differences in the form of mixing and others that involve humans and animals.

Keywords: fiqh rulings, human-animal, biomedical sciences, thematic;

Pengenalan

Saintis sedang cuba untuk menghasilkan hidupan yang bercampur sel antara manusia dan juga haiwan yang diramalkan mampu membawa manfaat dalam kajian penyakit neurologi (Levine & Grabel, 2017). Namun, percampuran manusia-haiwan ini menyebabkan sempadan antara manusia dan haiwan ini kabur sehingga timbul persoalan mengenai cara layanan dan cara meletakkan status moral terhadap manusia-haiwan ini sekiranya mereka mempunyai ciri-ciri neurologi dan fizikal manusia. Saintis telah menunjukkan bahawa sel manusia di dalam otak tikus boleh mempengaruhi perubahan kelakuan tikus tersebut (Revah et al., 2022). Hal ini menunjukkan kemungkinan untuk haiwan mempunyai ciri-ciri neurologi dan fizikal manusia adalah tidak mustahil.

Isu kekeliruan status moral haiwan menjadi antara isu utama sesetengah ahli bioetika dan ahli falsafah dalam menolak penyelidikan percampuran manusia-haiwan (Robert & Baylis, 2003). Ada yang mengambil langkah berjaga-jaga dengan meletakkan status moral hidupan ini di bawah status moral manusia (Koplin & Wilkinson, 2019). Tidak dinafikan juga yang menidakkan isu kekeliruan status moral haiwan kerana menurutnya, kes humanisasi haiwan adalah spekulasi yang tidak mungkin berlaku kerana perbezaan anatomi dan fungsi otak haiwan dan otak manusia (Resnik, 2019).

Namun, bagaimana sekiranya saintis berjaya menyuntik sel otak manusia ke dalam otak haiwan sehingga berubah struktur dan fungsi otak tersebut. Jadi, persoalan bagaimana kita hendak melayan manusia-haiwan ini masih belum terjawab. Tambahan pula, perubahan hukum fiqh boleh berlaku disebabkan percampuran manusia dan haiwan. Walaubagaimanapun, fuqaha dalam Mazhab Syafie telah membahaskan hukum fiqh yang berkaitan dengan percampuran manusia-

haiwan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengemukakan perbahasan hukum tersebut dengan menggunakan analisis tematik.

Percampuran Manusia-Haiwan

Percampuran manusia-haiwan merujuk kepada percampuran DNA manusia dan haiwan dengan cara menggabungkan sel gamet manusia dengan sel gamet haiwan atau dikenali sebagai hibrid manusia-haiwan. Selain itu, percampuran sel manusia-haiwan juga ialah percampuran sel tunjang manusia dengan haiwan (Bokota, 2021). Percampuran manusia-haiwan ini dilakukan untuk mencapai tujuan berikut, antaranya adalah untuk membentuk organ alternatif dalam rawatan pemindahan organ, menjadikan manusia-haiwan sebagai model kajian perkembangan manusia, digunakan untuk percubaan ubat-ubatan dan sebagainya (Levine & Grabel, 2017). Kajian yang terkini dijalankan dalam menyuntik sel manusia dalam embrio monyet adalah untuk mengkaji tahap kelangsungan hidup sel manusia dalam haiwan mamalia selain untuk membentuk organ alternatif dan kajian penyuntikan sel tunjang manusia ke dalam otak tikus bagi tujuan mengkaji penyakit sindrom *Timothy* (Revah et al., 2022; Tan et al., 2021).

Percampuran manusia-haiwan telah dijadikan bahan uji kaji dalam penyelidikan bioperubatan sejak tahun 1900-an lagi. Antara kajian yang terawal ialah kajian di mana sel tumor manusia dipindahkan ke dalam otak tikus untuk mengkaji penyakit kanser manusia (Rygaard & Povlsen, 1969). Sejajar berkembangnya ilmu sains perubatan, kajian-kajian yang menggunakan percampuran manusia-haiwan ini semakin banyak, antaranya adalah untuk mengkaji penyakit neurologi manusia (De Los Angeles et al., 2018). Pada masa ini, saintis hanya menumpu untuk menghasilkan organ manusia-haiwan yang boleh digunakan dalam rawatan pemindahan organ dengan menggunakan kaedah yang

berjaya mencampurkan sel dua mamalia berbeza iaitu kaedah komplementasi blastosista (Tan et al., 2021; Wu et al., 2017).

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menganalisis secara tematik hukum-hakam yang diletakkan terhadap manusia-haiwan atau haiwan yang boleh berfikir seperti manusia dalam kitab-kitab Fiqh klasik Mazhab Shafie. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik dijalankan dengan menggunakan 6 langkah berikut:

1. Membiasakan diri dengan data
2. Menghasilkan kodifikasi awal
3. Mencari tema
4. Membuat sorotan tema
5. Menamakan dan mendefinisikan tema
6. Menghasilkan laporan

Kata kunci bahasa arab iaitu *متولد* (anak yang dilahirkan), *كلب* (anjing), *ادمي* (manusia) dan *ولد* (telah melahirkan) digunakan sepanjang pencarian data di pangkalan data Maktabah Shamilah. Hasil carian dengan menggunakan kata kunci tersebut, terdapat 5 189 perbahasan yang dijumpai merangkumi semua perbahasan mengenai kata kunci. Daripada semua hasil carian itu, beberapa kriteria kemasukan dan pengecualian telah digunapakai iaitu:

Jadual 1. Kriteria kemasukan dan pengecualian

Kriteria Kemasukan	Kriteria Pengecualian
Perbahasan yang menyatakan:	Perbahasan tentang:
a. anjing atau haiwan ternakan yang berzina dengan manusia atau sebaliknya.	a. Haiwan sama ada haiwan suci atau najis sahaja.
b. Anak yang berupa manusia dilahirkan daripada dua ekor anjing, haiwan haram lain atau haiwan ternakan.	b. Anak yang lahir dari haiwan boleh dimakan dan haiwan yang tidak boleh dimakan.
c. Anak yang berupa haiwan sama ada haiwan najis atau haiwan suci daripada dua induk manusia.	c. Anak manusia sahaja.
Perbahasan yang menyatakan masalah dan hukum bagi situasi dalam kriteria kemasukan pertama.	

Jadual 2: Hasil tapisan data yang diperolehi daripada Maktabah Shamilah.

Kata Kunci	Kitab	Muka surat (Jilid)	
(متولد المتولد) + (ادمي) (كلب الكلب) + (ادمي)	Hasyiah al-Bujairimi 'ala al-Khatib al-Musamah	326 (1)	
	Tuhfah al-Habib 'ala Syarah al-Khatib al-Ma'ruf bi al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Syuja'	327 (1)	
	Al-Ghurar al-Bahiyah	104 (1)	
	Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj wa Hawasyi al-Syirwani wa al-'Ibadi	40	
	Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj wa ma'ahu Hasyiah al-Syibramilsi wa Hasyiah al-Maghribi al-Rashidi		290 (1)
			291 (1)
			292 (1)
	I'alah al-Talibin 'ala Hal Alfaz Fath al-Mu'in		237 (1)
			238 (1)
	Hasyiata Qalyubi wa 'Umairah		113
			79(3)
	Hasyiah al-Jamal ala Syarh Manhaj		253(3)
			172
Hawasyi Madinah ala Syarh al-Muqadimah al-Hadramiah		288 (1)	
		230 (1)	
Al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Syuja'		54	
	Daf'u Ilbas an Wahm al-Wiswas		
+ (ولد) + (ادمي الادمي) + (كلب الكلب)	Fath al-Muin bi Syarh Qurat al-Ain	77	
	Mukhtasar Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj	225 (3)	

Selepas proses tapisan, kodifikasi telah dijalankan melalui penelitian terhadap hukum-hakam yang dinyatakan dalam perbahasan manusia-haiwan dengan menggunakan perisian Atlas.Ti. Seterusnya, perbahasan yang bersesuaian akan dikumpulkan mengikut tema yang berkaitan dengan persoalan hukum manusia-haiwan. Sorotan dan analisis dilakukan sebelum pengkategorian tema diperhalusi.

Hasil Kajian

Berdasarkan analisis tematik yang dijalankan terhadap perbincangan-perbincangan manusia-haiwan ini, beberapa tema telah dibentuk seperti berikut;

Tema 1: Status Suci

Tema ini membahaskan status kesucian manusia-haiwan yang lahir daripada induk haiwan atau manusia. Perbincangan ini telah membentuk sub-tema seperti berikut;

Sub-tema 1: Anak manusia-haiwan berupa manusia lahir daripada induk manusia dan haiwan najis.

Status suci manusia-haiwan ini terbahagi kepada dua pendapat iaitu pendapat pertama menunjukkan manusia-haiwan najis tersebut adalah suci dengan syarat ia mempunyai penampilan fizikal seperti manusia walau separuh badannya sahaja. Pandangan ini ialah pandangan muktamad di sisi Imam Ramli seperti petikan di bawah;

الْمُتَوَلَّدُ بَيْنَ الْكَلْبِ وَغَيْرِهِ نَجَسًا إِنْ لَمْ يَكُنْ أَحَدُ أَصْلَيْهِ آدَمِيًّا، أَوْ كَانَ عَلَى غَيْرِ صُورَةِ الْآدَمِيِّ، فَإِنْ كَانَ أَحَدُ أَصْلَيْهِ آدَمِيًّا وَكَانَ عَلَى صُورَةِ الْآدَمِيِّ وَلَوْ فِي نِصْفِهِ الْأَعْلَى فَقَطْ، فَقَالَ شَيْخُنَا م ر: هُوَ طَاهِرٌ وَيُعْطَى أَحْكَامَ الْآدَمِيِّينَ مُطْلَقًا،

Terjemahan: (Anak yang lahir) antara induk anjing dan selainnya ialah najis jika salah satu induknya bukan manusia, atau keadaannya bukan berupa manusia, sekiranya salah satu induknya ialah manusia dan keadaan anak berupa manusia walau separuh atas badannya sahaja, maka telah berkata syeikh kita Imam Ramli: Dia adalah suci dan diberi hukum-hakam manusia secara mutlak (Al-Bujairimi, 2007).

Pendapat kedua mengatakan manusia-haiwan najis tersebut ialah najis seperti petikan berikut;

أَنَّ الْآدَمِيَّ الْمُتَوَلَّدَ بَيْنَ آدَمِيٍّ أَوْ آدَمِيَّةٍ وَمُعَلِّظٌ لَهُ حُكْمُ الْمُعَلِّظِ فِي سَائِرِ أَحْكَامِهِ وَهُوَ وَاضِحٌ فِي النَّجَاسَةِ وَنَجْوَاهَا

Terjemahan: Anak manusia (yang lahir) antara induk manusia lelaki atau perempuan dan haiwan najis mughallazah kepadanya diberi hukum najis mughallazah ke atas segala hukum-hakamnya dan jelas dalam bab kenajisan dan sebagainya (Al-Haitami et al., 1938).

Sub-tema 2: Anak manusia-haiwan yang berupa haiwan najis lahir daripada induk manusia dan haiwan najis.

Contoh petikan yang menunjukkan anak manusia-haiwan yang berupa haiwan najis lahir daripada induk manusia dan haiwan najis ialah najis;

فَإِنْ كَانَ الْمُتَوَلَّدُ بَيْنَ كَلْبٍ وَآدَمِيٍّ عَلَى صُورَةِ الْكَلْبِ فَتَنْجِسُ

Terjemahan: Maka sekiranya keadaan (anak yang lahir) antara anjing dan manusia berupa anjing maka najislah ia (Al-Haitami et al., 1938).

Sub-tema 3: Anak haiwan yang berupa manusia lahir daripada induk haiwan najis dan haiwan najis.

Pendapat pertama menunjukkan anak haiwan najis yang lahir dalam bentuk manusia itu adalah suci berdasarkan petikan berikut;

وَاسْتَدَلَّ م ر عَلَى طَهَارَةِ الْمُتَوَلَّدِ بَيْنَ آدَمِيٍّ وَكَلْبٍ بِإِطْلَاقِهِمْ طَهَارَةَ الْآدَمِيِّ وَهَذَا يَشْمَلُ مَا تَوَلَّدَ بَيْنَ كَلْبَيْنِ.

Terjemahan: dan Imam Ramli menyimpulkan kesucian (anak manusia-haiwan berupa manusia yang lahir) antara induk manusia dan anjing dengan memberikan mereka kesucian manusia dan perkara ini termasuk apa (manusia-haiwan berupa manusia) yang lahir antara kedua-dua anjing (Al-Ansari, n.d.).

Pendapat kedua yang mengatakan bahawa anak haiwan najis yang lahir dalam bentuk manusia itu ialah najis melalui petikan berikut;

وَالْآدَمِيُّ بَيْنَ كَلْبَيْنِ نَجِسٌ قَطْعًا،

Terjemahan: dan manusia (yang lahir) daripada anjing dan anjing ialah najis qatie (Al-Bujairimi, 2007).

Sub-tema 4: Anak manusia berupa anjing yang lahir daripada induk manusia dan manusia.

Anak manusia berupa bentuk anjing yang lahir daripada induk manusia dan manusia adalah suci berdasarkan petikan berikut;

وَالْكَالْبُ بَيْنَ آدَمِيِّينَ طَاهِرٌ

Terjemahan: dan anjing antara dua orang manusia adalah suci (Al-Bujairimi, 2007).

Sub-tema 5: Anak haiwan berupa manusia yang lahir daripada induk haiwan suci dan haiwan suci.

Anak haiwan berupa manusia lahir daripada induk kedua-duanya haiwan yang suci seperti kambing, lembu dan kerbau adalah suci menurut petikan di bawah;

وَأَمَّا مُتَوَلَّدٌ بَيْنَ شَاتَيْنِ مَثَلًا وَهُوَ عَلَى صُورَةِ الْآدَمِيِّ فَطَاهِرٌ

Terjemahan: dan manakala (anak yang lahir) antara dua ekor kambing sebagai contoh dan dia berupa bentuk manusia maka sucilah ia (Al-Bujairimi, 2007).

Tema 2: Hukum Ibadat

Ibadat manusia-haiwan ini adalah sah sama ada ia adalah daripada haiwan yang suci atau najis. Mereka juga boleh mengimamkan solat, berkhotbah dan dikira dalam jemaah solat Jumaat;

وَبَقِيَ أَيْضًا مَا لَوْ تَوَلَّدَ بَيْنَ مَأْكُولَيْنِ مَا هُوَ عَلَى صُورَةِ الْإِنْسَانِيِّ
وَصَارَ مُمَيِّزًا عَاقِلًا هَلْ تَصِحُّ إِيمَانُهُ وَبَقِيَّةُ الْعِبَادَاتِ مِنْهُ ...
وَالْأَقْرَبُ أَنْ يُقَالَ بِصِحَّةِ إِقَامَتِهِ وَسَائِرِ عِبَادَاتِهِ، وَأَنَّهُ يُعَدُّ مِنَ
الْأَرْبَعِينَ فِي الْجُمُعَةِ لِأَنَّهَا مُنَوَّطَةٌ بِالْعَقْلِ،

Terjemahan: dan berbaki juga sekiranya lahir antara dua (induk) yang boleh dimakan berupa manusia dan menjadi mumayiz dan berakal, adakah sah dia mengimamkan solat dan ibadatnya yang lain ... dan yang paling hampir dikatakan sah solatnya dan seluruh ibadatnya, dan ia dikira dalam 40 daripada jemaah Jumaat kerana sahnya ibadah bergantung kepada akal fikiran (Al-Ramli et al., 2003).

Pandangan pertama ini melihat aspek kognitif manusia-haiwan tersebut iaitu kemampuan untuk berfikir sama seperti manusia dan ia merupakan syarat utama taklif. Satu individu itu diiktiraf sebagai manusia sekiranya mempunyai penampilan fizikal manusia dan juga kemampuan kognitif seperti manusia, tanpa melihat kepada induk 'individu' tersebut. Namun ada yang mengatakan bahawa manusia-haiwan tidak dikira dalam 40 jemaah Jumaat menurut petikan sambungan dari petikan di atas;

وَقَدْ يُقَالُ: لَا يُحْسَبُ مِنَ الْأَرْبَعِينَ لِأَنَّهُ لَيْسَ مِنْ جِنْسِ مَنْ تَتَعَدَّى
بِهِمُ الْجُمُعَةُ،

Terjemahan: dan dikatakan: tidak dikira daripada 40 kerana ia bukan daripada jenis yang mengambil tempat dalam solat Jumaat (Al-Ramli et al., 2003).

Begitu juga sekiranya manusia-haiwan yang dibentuk dengan haiwan najis berdasarkan petikan berikut:

إِنْ كَانَ عَلَى صُورَتِهِ وَلَوْ فِي النَّصْفِ الْأَعْلَى فَقَطَّ فَهُوَ طَاهِرٌ فِي
الْعِبَادَاتِ فَيَصِلِي وَلَوْ إِمَامًا وَيَدْخُلُ الْمَسَاجِدَ وَيُخَالِطُ النَّاسَ،

Terjemahan: Sekira keadaannya walau separuh atasnya (badan) sahaja (dalam bentuk manusia) maka ia suci dalam ibadat, maka dia bersolat walau menjadi imam dan memasuki masjid dan bergaul dengan manusia (Al-Bujairimi, 2007).

Sahnya ibadat manusia-haiwan ini perlu memenuhi syarat bahawa manusia-haiwan ini berakal kerana dengan adanya akal maka jatuhlah taklifat ibadah kepada manusia-haiwan ini (Al-Ramli et al., 2003).

Tema 3: Hukum Sembelih dan Makan

Dalam hukum sembelih dan makan manusia-haiwan ini, ulama' telah melihat kepada induk yang digunakan untuk membentuk manusia-haiwan ini. Jika, salah satu induknya haiwan yang jelas haram, maka ia tidak boleh disembelih dan dimakan. Begitu juga, jika induk manusia digunakan dalam membentuk manusia-haiwan ini, maka manusia-haiwan tersebut juga tidak boleh disembelih dan dimakan kerana manusia ialah individu yang tidak boleh dimakan. Sebagai contoh, petikan dari Hasyiah Syibransil yang tidak membenarkan memakan manusia-haiwan ini;

قَالَ بَعْضُهُمْ: وَلَوْ وَطِئَ آدَمِيٌّ بِبَيْمَتِهِ فَوَلَدَهَا الْإِنْسَانِيُّ مِلْكٌ لِمَا لِكَيْهَا
أَهْلٌ وَهُوَ نَفِيسٌ، وَعَلَى قَاتِلِهِ قِيمَتُهُ وَلَا يُؤْكَلُ نَظَرًا لِأَحَدٍ أَصْلَابِهِ

Terjemahan: telah berkata sebahagian mereka: dan jika berzina manusia dengan haiwan ternakan dan lahir anak dalam bentuk manusia maka ia menjadi milik tuan haiwan ternakan tersebut dan ke atas pembunuhnya qimah nilai (perlu membayar ganti rugi jika membunuhnya) dan tidak boleh dimakan kerana melihat kepada salah satu induknya...(Al-Bujairimi, 2007).

Tetapi berbeza sekiranya kedua-dua induknya ialah haiwan yang boleh dimakan, maka anak tersebut boleh disembelih dan dimakan walau berupa manusia. Contohnya dalam petikan berikut;

وَكَذَا الْمُتَوَلَّدُ بَيْنَ شَتَائِنِ وَهُوَ عَلَى صُورَةِ الْإِنْسَانِيِّ إِذَا كَانَ يُنْبِطُ
وَيَعْقَلُ وَيَجُورُ دَبْحَهُ وَأَكْلَهُ

Terjemahan: dan begitu juga (anak yang lahir) antara kedua-dua induknya kambing dan dia berupa manusia, jika keadaannya bercakap dan berakal dan boleh menyembelihnya dan memakannya (Al-Haitami et al., 1938).

Tema 4: Hukum Bernikah

Manusia-haiwan dilarang sama sekali bernikah sama ada dengan lelaki, perempuan mahupun sejenisnya iaitu manusia-haiwan sama ada haiwan najis ataupun haiwan suci. Contoh larangan boleh dilihat dalam petikan berikut;

المتولد بين آدمي أو آدمية ومغلظ لا يحل مناكحته ولو لمن هو
مثله

Terjemahan: (anak yang lahir) antara induk manusia lelaki atau perempuan dan haiwan najis

mughallazah tidak halal pernikahannya walau dengan yang semisalnya... (Samit, 2008).

Larangan bernikah bagi manusia-haiwan suci boleh dilihat dalam bab nikah Hasyiah Qalyubi.

وَكَذَا مُتَوَلِّدٌ كَذَلِكَ وَمِثْلُهُمَا الْمُتَوَلِّدُ بَيْنَ أَدَمِيِّ وَبَيْهِيمَةٍ، وَلَوْ عَلَى صُورَةِ الْأَدَمِيِّ ذَكَرًا كَانَ أَوْ أَنْثَى أَيْضًا

Terjemahan: dan sebagaimana induknya sebegitulah ia dan begitu juga (haram dinikahi) (anak yang lahir) antara manusia dan haiwan ternakan, sama ada berupa manusia lelaki atau perempuan (Qalyubi & Umairah, 1955).

Tema 5: Hukum Wilayah

Manusia-haiwan diberikan hukum suci dalam hal wilayah sama ada menjadi qadi atau wali nikah. Hal ini juga meliputi bagi ulama yang berpendapat manusia-haiwan ialah najis. Sebagai contoh dalam petikan berikut;

فَإِنْ كَانَ الْمُتَوَلِّدُ بَيْنَ كَلْبٍ وَأَدَمِيِّ عَلَى صُورَةِ الْكَلْبِ فَتَجَسَّسَ وَإِنْ كَانَ عَلَى صُورَةِ الْأَدَمِيِّ فَطَاهِرٌ عِنْدَ الرَّمْلِيِّ وَنَجِسٌ مَعْفُورٌ عَنْهُ عِنْدَ ابْنِ حَجَّ قَيْصَلِيِّ إِمَامًا وَيَدْخُلُ الْمَسَاجِدَ ... وَيَتَوَلَّى الْوِلَايَاتِ كَالْقَضَاءِ وَوَلَايَةِ الْبَيْتِ الْكَبِيرِ

Terjemahan: sekiranya keadaan (anak yang lahir) antara induk anjing dan manusia berupa anjing, maka ia najis dan sekiranya berupa manusia, maka ia suci pada pandangan Imam Ramli dan najis yang dimaafkan pada pandangan Ibn Haj, maka ia menjadi imam solat dan memasuki masjid ... dan menjadi wali bagi wilayah seperti qada' dan wilayah nikah (Al-Haitami et al., 1938).

Namun, ada pendapat juga yang tidak membenarkan manusia-haiwan untuk menjadi wilayah seperti petikan berikut;

الْمُتَوَلِّدُ بَيْنَ الْكَلْبِ وَغَيْرِهِ نَجِسًا إِنْ لَمْ يَكُنْ أَحَدُ أَصْلَائِهِ أَدَمِيًّا، أَوْ كَانَ عَلَى غَيْرِ صُورَةِ الْأَدَمِيِّ، فَإِنْ كَانَ أَحَدُ أَصْلَائِهِ أَدَمِيًّا وَكَانَ عَلَى صُورَةِ الْأَدَمِيِّ وَلَوْ فِي نَصْفِهِ الْأَعْلَى فَقَطْ، فَقَالَ شَيْخُنَا م: هُوَ طَاهِرٌ ... وَمَنْعَهُ الشَّارْحُ مِنَ الْوِلَايَاتِ أَيْضًا،

Terjemahan: (anak yang lahir) antara anjing dan selainnya ialah najis sekiranya salah satu induknya bukan manusia, atau keadaannya bukan berupa manusia, sekiranya salah satu induknya ialah manusia dan keadaannya berupa manusia walau separuh badan atasnya sahaja, maka telah berkata syeikh kami Imam Ramli: ia suci ... dan syarih (al-Khatib al-Syarbini) menghalangnya (manusia-haiwan) dari wilayah (Al-Bujairimi, 2007).

Tema 6: Hukum Mawarith dan Berwasiat

Antara contoh petikan yang menunjukkan hukum mawarith bagi manusia-haiwan ialah:

الْمُتَوَلِّدُ بَيْنَ كَلْبٍ ذَكَرٍ أَوْ أَنْثَى وَأَدَمِيِّ كَذَلِكَ، وَهُوَ كَذَلِكَ إِنْ كَانَ عَلَى غَيْرِ صُورَةِ الْأَدَمِيِّ، فَإِنْ كَانَ عَلَى صُورَتِهِ وَلَوْ فِي النِّصْفِ الْأَعْلَى فَقَطْ فَهُوَ طَاهِرٌ فِي الْعِبَادَاتِ ... وَخَالَفَهُ الْخَطِيبُ وَلَهُ حُكْمُ النَّجَسِ فِي الْأَنْكِحَةِ وَالنَّسْرِيِّ وَالذَّبِيحَةِ وَالتَّوَارِثِ

Terjemahan: (anak yang lahir) antara induk anjing jantan atau betina dan manusia seperti itu juga (lelaki atau perempuan), dan ia seperti itu juga (najis) sekiranya bukan berupa manusia, sekiranya ia berupa manusia walau atas badannya sahaja maka ia suci dalam ibadat ... dan al-Khatib berbeza pendapat dan baginya (manusia-haiwan) dihukumkan najis pada hal nikah, mengambil hamba perempuan, sembelihan dan mewarisi harta (Al-Bujairimi, 2007).

Petikan di atas jelas menunjukkan manusia-haiwan tidak boleh mewarisi harta. Manakala, dalam hal wasiat pula, ulama berpendapat bahawa wasiatnya adalah sah seperti dalam petikan berikut;

شَمِلَ الْأَدَمِيُّ وَهُوَ كَذَلِكَ إِنْ كَانَ عَلَى غَيْرِ صُورَةِ الْأَدَمِيِّ اتِّفَاقًا، فَإِنْ كَانَ عَلَى صُورَتِهِ وَلَوْ فِي نَصْفِهِ الْأَعْلَى فَأَقْبَى شَيْخُنَا الرَّمْلِيُّ كَوَالِدِهِ بِطَهَارَتِهِ وَثَبُوتِ سَائِرِ أَحْكَامِ الْأَدَمِيِّ لَهُ، ثُمَّ قَالَ: وَعَلَى الْحُكْمِ بِالنَّجَاسَةِ يُعْطَى حُكْمُ الطَّاهِرِ فِي الطَّهَارَاتِ وَالْعِبَادَاتِ ... وَصِحَّةِ قَضَائِهِ وَتَرْوِيحِهِ مُؤَلِّتَهُ وَوَصَائِيَتِهِ،

Terjemahan: termasuk manusia dan sebegitulah secara sepakat (najis) sekiranya (anak anjing atau khinzir dengan manusia) tidak berupa manusia, sekiranya berupanya (manusia) walau separuh atasnya (badan) sahaja, maka telah berfatwa Imam Ramli bahawa ia suci seperti induknya dan telah sabit seluruh hukum-hakam manusia kepadanya, kemudian telah berkata: dan kepada yang (mengatakan) hukumnya najis diberikan hukum suci pada kesucian dan ibadat ... dan sah hukum yang dijatuhkan olehnya (sebagai qadi), dia mengahwinkan maulanya (bekas hamba perempuannya) dan wasiatnya (Qalyubi & Umairah, 1955).

Perbincangan

Percampuran manusia-haiwan telah mempengaruhi perubahan hukum fiqh. Oleh itu, artikel ini telah menjalankan analisis yang komprehensif terhadap hukum yang berkaitan dengan percampuran manusia dan haiwan dalam kitab fiqh Mazhab Syafie. Beberapa penetapan hukum oleh fuqaha dalam Mazhab Syafie yang boleh diaplikasikan dalam kes chimera dan hibrid

telah dilampirkan. Antaranya ialah hukum suci atau najis, hukum ibadat, sembelih dan makan, bernikah, wilayah dan mawarith dan wasiat. Perbahasan-perbahasan ini menunjukkan bahawa hukum fiqh tidak jatuh hanya kepada manusia, akan tetapi juga kepada haiwan yang berakal. Selain itu, perbahasan-perbahasan ini juga menunjukkan bahawa akal memainkan peranan penting dalam penetapan hukum. Hal ini jelas apabila fuqaha menetapkan bahawa manusia-haiwan yang mempunyai akal diwajibkan untuk menunaikan solat (Al-Ramli et al., 2003).

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa manusia-haiwan ini tidak sama kedudukan dengan manusia biasa kerana ia boleh dimakan sekiranya kedua-dua induknya ialah haiwan yang halal, manakala sekiranya salah satu induknya ialah manusia, maka ia tidak boleh dimakan kerana kehormatan induknya sebagai manusia (Al-Bujairimi, 2007; Al-Haitami et al., 1938). Hasil kajian ini selari dengan beberapa pendapat ahli bioetika dan falsafah yang meletakkan kedudukan manusia lebih tinggi berbanding manusia-haiwan (Palacios-González, 2016). Kontradiksinya, beberapa ahli bioetika dan falsafah meletakkan kedudukan manusia ini sama dengan manusia-haiwan (Shaw et al., 2014). Pendapat ini bertentangan dengan hasil kajian yang menunjukkan manusia lebih tinggi berbanding manusia-haiwan. Tambahan pula, Allah Taala telah menyatakan bahawa Dia memuliakan anak-anak Adam (manusia) berbanding makhluk yang lain dalam Surah al-Isra' ayat 70. Kemuliaan ini disebabkan manusia dikurniakan akal fikiran untuk memahami perintah Allah Taala, dan dengannya manusia boleh mengetahui kewujudan Tuhan yang membawa kepada keberkatan-Nya, dan mengikuti Rasul-rasul-Nya (Al-Qurtubi, 2006).

Perubahan status moral apabila haiwan itu telah dihumanisasikan neurologi dan fizikalnya adalah benar berdasarkan hukum fiqh yang ditetapkan fuqaha. Di samping itu, hasil kajian ini juga secara tidak langsung menyangkal kebimbangan Robert dan Baylis (2003) bahawa apabila haiwan dihumanisasikan, maka tiada status moral yang khusus untuk diletakkan kepadanya. Dengan kata lain, perbahasan-perbahasan fuqaha jelas menunjukkan bagaimana hendak melayan manusia-haiwan ini dan ia boleh digunakan sebagai salah satu kaedah untuk meletakkan status moral manusia-haiwan. Selain itu, ia juga boleh digunakan dalam penetapan fatwa oleh institusi fatwa terhadap manusia-haiwan ini. Namun, kajian ini hanya terbatas kepada perbahasan-perbahasan dalam Mazhab Syafie sahaja kerana perbahasan yang sama tidak dijumpai dalam tiga Mazhab fiqh yang lain. Kajian lanjutan daripada tiga Mazhab yang lain boleh dilakukan dan perbincangan status moral manusia-haiwan berdasarkan hasil kajian ini juga boleh dijalankan.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbahasan hukum manusia-haiwan dalam kitab fiqh mazhab Syafie. Dengan menggunakan analisis tematik, kajian ini menyimpulkan bahawa percampuran manusia-haiwan memberi implikasi terhadap perubahan hukum. Hasil kajian menunjukkan bahawa percampuran manusia-haiwan mempengaruhi hukum status suci, hukum ibadat, penyembelihan, pernikahan, perwalian dan perwarisan. Namun, perlu diingatkan bahawa percampuran manusia-haiwan ini masih lagi dalam tahap penyelidikan dan belum dipastikan lagi hasil percampuran manusia-haiwan tersebut. Hukum ini hanyalah berdasarkan pandangan dalam Mazhab Syafie sahaja. Kajian yang lebih lanjut boleh dilakukan dengan melihat hukum manusia-haiwan dalam Mazhab fiqh yang lain. Kajian seperti ini sangat membantu dalam memahami perkembangan sains sel tunjang dalam konteks Syariah. Diharapkan kajian seperti ini boleh membawa manfaat dalam mengeluarkan hukum berkaitan organ manusia-haiwan kelak.

Rujukan

Buku

Al-Ansari, Z. bin M. (n.d.). *Al-Ghurur al-Bahiyah*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.

Al-Bujairimi, S. bin M. bin U. al-S. (2007). *Hasyiah al-Bujairimi 'ala al-Khatib al-Musamah Tuhfah al-Habib 'ala Syarah al-Khatib al-Ma'ruf bi al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Syuja'*. Dar Al-Fikr.

Al-Haitami, I. H., Al-Islam, S. S., Al-Abas, A., Al-Syirwani, A., & Al-Ibadi, I. Q. (1938). *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*. al-Maktabah al-Tijariah al-Kubra.

Al-Qurtubi, A. A. (2006). *Jami' li Ahkamul Quran* (A. bin A. M. At-Turkiy (ed.)). Muassasah Ar-Risalah.

Al-Ramli, M. bin Ab. al-A. A. bin H. bin S., Al-Syibramilsi, A. bin A., & Al-Rashidi, A. bin A. al-M. (2003). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj wa Ma'ahu Hasyiah al-Syibramilsi wa Hasyiah al-Maghribi al-Rashidi*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.

Qalyubi, & Umairah. (1955). *Hasyiata Qalyubi wa Umairah ala Syarh Mahalli ala Minhaj al-Tholibin*.

Samit, M. bin H. bin H. bin. (2008). *Mukhtasar Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh Minhaj*. Markaz al-Nur li Dirasah wa Abhas.

Artikel

Bokota, S. (2021). Defining human-animal chimeras and hybrids: A comparison of legal systems and natural sciences. *Ethics & Bioethics*, *11*(1–2), 101–114. <https://doi.org/10.2478/ebce-2021-0001>

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Qualitative Research in Psychology Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, *3*(2), 77–101. <http://www.tandfonline.com/action/journalInformation?journalCode=uqrp20%5Cnhttp://www.tandfonline.com/action/journalInformation?journalCode=uqrp20>

De Los Angeles, A., Hyun, I., Latham, S. R., Elsworth, J. D., & Eugene Redmond, D. (2018). Human-Monkey Chimeras for Modeling Human Disease: Opportunities and Challenges. *Stem Cells and Development*, *27*(23), 1599–1604. <https://doi.org/10.1089/scd.2018.0162>

Koplin, J., & Wilkinson, D. (2019). Moral uncertainty and the farming of human-pig chimeras. *Journal of Medical Ethics*, *45*, 440–446. <https://doi.org/10.1136/medethics-2018-105227>

Levine, S., & Grabel, L. (2017). The contribution of human/non-human animal chimeras to stem cell research. *Stem Cell Research*, *24*, 128–134. <https://doi.org/10.1016/j.scr.2017.09.005>

Palacios-González, C. (2016). The ethics of killing human/great-ape chimeras for their organs: a reply to Shaw et al. *Medicine, Health Care and Philosophy*, *19*(2), 215–225. <https://doi.org/10.1007/s11019-015-9658-1>

Resnik, D. B. (2019). Commentary on Koplin and Wilkinson. *Journal of Medical Ethics*, *45*(7), 449–450. <https://doi.org/10.1136/medethics-2019-105499>

Revah, O., Gore, F., Kelley, K. W., Andersen, J., Sakai, N., Chen, X., Li, M.-Y., Birey, F., Yang, X., Saw, N. L., Baker, S. W., Amin, N. D., Kulkarni, S., Mudipalli, R., Cui, B., Nishino, S., Grant, G. A., Knowles, J. K., Shamloo, M., Paşca, S. P. (2022). Maturation and circuit integration of transplanted human cortical organoids. *Nature*, *610*(7931), 319–326. <https://doi.org/10.1038/s41586-022-05277-w>

Robert, J. S., & Baylis, F. (2003). Crossing Species Boundaries. *The American Journal of Bioethics*, *3*(3), 37–41. <https://doi.org/10.1162/15265160360706417>

Rygaard, J., & Povlsen, C. O. (1969). Heterotransplantation of A Human Malignant Tumour to

“Nude” Mice. *Acta Pathology Microbiology Scandal*, *77*, 758–760.

Shaw, D., Dondorp, W., & de Wert, G. (2014). Using non-human primates to benefit humans: research and organ transplantation. *Medicine, Health Care and Philosophy*, *17*(4), 573–578. <https://doi.org/10.1007/s11019-014-9565-x>

Tan, T., Wu, J., Si, C., Ji, W., Niu, Y., Carlos, J., Belmonte, I., Tan, T., Wu, J., Si, C., Dai, S., Zhang, Y., Sun, N., Zhang, E., & Shao, H. (2021). Chimeric contribution of human extended pluripotent stem cells to monkey embryos ex vivo. *Cell*, *184*(8), 2020–2032. <https://doi.org/10.1016/j.cell.2021.03.020>

Wu, J., Platero-Luengo, A., Sakurai, M., Sugawara, A., Gil, M. A., Yamauchi, T., Suzuki, K., Bogliotti, Y. S., Cuello, C., Valencia, M. M., Okumura, D., Luo, J., Vilarino, M., Parrilla, I., Soto, D. A., Martinez, C. A., Hishida, T., Sánchez-Bautista, S., Martinez-Martinez, M. L., ... Belmonte, J. C. I. (2017). Interspecies Chimerism with Mammalian Pluripotent Stem Cells. *Cell*, *168*(3), 473–486.e15. <https://doi.org/10.1016/J.CELL.2016.12.036>